

Mohd Rizal
Ramli



Presiden Kelab Kebajikan Anak Kedah
Universiti Putra Malaysia
Presiden Persatuan Siswa Siswi Daerah Pendang

Pupuk semangat memimpin

Sebagai seorang mahasiswa, sudah semestinya kita semua akan terdedah dengan aktiviti di luar bidang akademik yang dianjurkan persatuan, kelab, kolej kediaman, fakulti mahupun pihak pengurusan universiti sendiri.

Namun, pembabitan mahasiswa di universiti dilihat lebih menjurus kepada usaha mendapatkan merit bagi memperoleh tempat di kolej kediaman. Merit juga dapat dikumpul melalui penyertaan dalam program anjuran persatuan anak negeri.

Kelab Kebajikan Anak Kedah Universiti Putra Malaysia (KANDA PUTRA) adalah satu daripada kelab yang aktif menganjurkan program berkaitan aspek kepemimpinan, rekreasi, kemasyarakatan dan motivasi.

Saya masih ingat pengalaman manis ketika menjejakkan kaki di Universiti Putra Malaysia (UPM) pada September 2012. Perkara pertama yang saya lakukan ialah mencari kawan yang berasal dari negeri sama dengan saya iaitu Kedah.

Rakan seperjuangan

Pada awalnya, agak sukar untuk saya mencari rakan seperjuangan dari Kedah



Menteri Besar Kedah, Kedah Dato' Seri Mulhazir Tun Mahathir (tengah) bersama-sama ahli Kanda Putra.

sehingga saya mengetahui mengenai kewujudan KANDA PUTRA. Sejak itu, saya mula bergiat aktif dalam aktiviti anjuran kelab berkenaan malah dilantik memegang jawatan Presiden pada tahun ketiga pengajian di UPM.

Antara pembaharuan yang saya bawa ialah mewujudkan tabung kebajikan. Alhamdulillah, usaha berkenaan disambut baik oleh pelbagai pihak malah memberi manfaat kepada sebilangan ahli kelab sejak ditubuhkan

pada awal tahun ini.

KANDA PUTRA bukanlah kelab yang hanya mementingkan kelangsungan program semata-mata, sebaliknya turut menjaga kebajikan ahlinya. Mahasiswa dari Kedah mungkin berjauhan daripada keluarga, tetapi mereka ada keluarga kedua di UPM dan keluarga itu ialah KANDA PUTRA.

Kami juga menjalin persaudaraan dengan persatuan anak Kedah di universiti awam lain seperti Persatuan Kebajikan Mahasiswa Kedah

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Persatuan Mahasiswa Kedah Universiti Malaya, Himpunan Anak Kedah Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Kumpulan Anak-anak Kedah Universiti Sains Malaysia.

Karnival sukan

Selain itu, kami bekerjasama menganjurkan pelbagai program antaranya Karnival Sukan Rakyat Zon Tengah 2015 di UPM, Program Jalinan Mesra Kenari 2015 di UKM, Program Bual Bicara

Bersama Menteri Besar Kedah di UPM dan Program Bakti Siswa Anak Negeri Kebangsaan di Kedah.

Daripada keluarga kecil di UPM, kami bergabung untuk menjadi keluarga lebih besar bagi memastikan semua mahasiswa anak Kedah di seluruh negara tidak berasa keseorangan dan sentiasa memiliki keluarga kedua di universiti masing-masing.

“
DI UPM, KAMI BERGABUNG UNTUK MENJADI KELUARGA LEBIH BESAR BAGI MEMASTIKAN SEMUA MAHASISWA ANAK KEDAH DI SELURUH NEGARA TIDAK BERASA KESEORANGAN”

Sehubungan dengan itu, saya berharap agar persatuan anak negeri khususnya Kedah, terus aktif dan menyumbang bakti kepada anak bangsa. Kepemimpinan bukan hanya dilihat pada kebolehan bercakap dan menguruskan program semata-mata, tetapi juga dinilai daripada aspek kebajikan anak buah yang dipimpin.

Mahasiswa yang berminat untuk menghantar rencana, boleh e-mel ke bhvarsiti@bh.com.my